



**PESERTA:** Para peserta BeDigital Bootcamp 2.0 mengambil gambar kenangan. Turut kelihatan Rashid (berdiri, enam kanan) dan Aadrin (berdiri, lapan kiri).

## 24 pelajar UMS sertai PETRONAS BeDigital Bootcamp 2.0 UB 01.09.2022 P.02

**KOTA KINABALU:** Seramai 24 pelajar tahun akhir Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai PETRONAS BeDigital Bootcamp 2.0 yang berlangsung selama 12 hari di sini, baru-baru ini.

Dekan Fakulti Kejuruteraan (FKJ) UMS Prof. Madya Dr. Ismail Saad berkata, program itu antara lain bertujuan meningkatkan tahap celik digital graduan tempatan bagi memenuhi permintaan pasaran pekerjaan semasa dan masa hadapan.

“Program itu juga untuk menyokong pembangunan modal insan ke arah mencapai aspirasi ekonomi digital negara.

“Ia adalah kali kedua PETRONAS bekerjasama dengan UMS dalam program ini yang mana edisi pertama bagi BeDigital Bootcamp telah pun diadakan pada Mac lalu,”

katanya dalam satu kenyataan di sini kelmarin.

Ismail berkata, Bootcamp kali ini turut disertai pelajar tahun akhir Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah dan Kolej Universiti Yayasan Sabah (UCSF).

“Para peserta juga sangat beruntung kerana mereka yang menunjukkan kecemerlangan sepanjang program ini berpeluang ditawarkan pekerjaan secara terus dengan PETRONAS dan beberapa syarikat lain.

“Untuk itu saya ucapkan tahniah kepada 16 pelajar UMS yang terpilih dan ditawarkan untuk bekerja di PETRONAS dan Tata Consultancy Services.

“Sebelum ini, 10 pelajar tahun akhir UMS juga telah mendapat tawaran yang sama setelah menyertai Bootcamp

1.0,” jelasnya.

Beliau juga merakamkan penghargaan kepada PETRONAS atas ruang kerjasama yang diberikan kepada UMS.

“Sesungguhnya, pihak UMS berterima kasih dan sentiasa mengalu-alukan kerjasama seumpama ini pada masa akan datang.

“Kerjasama strategik sebegini bukan sahaja mampu melahirkan modal insan yang berdaya saing malah mampu memenuhi keperluan tenaga mahir negara dalam mendepani era permodenan globalisasi,” katanya.

Majlis penutupan yang berlangsung pada Jumaat lalu turut dihadiri Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UMS Prof. Dr. Rashid Mail dan Ketua Pegawai Digital PETRONAS Aadrin Azly.